

e-Buletin JSKM

EDISI
APRIL
2026

INFORMASI • INSPIRASI • IMPIAN



Menyemai Harapan,

MENYANTUNI PEJUANG KECIL

Menghubungkan ilmu, empati dan tanggungjawab sosial dalam menyantuni kanak-kanak pesakit kanser.

“ Saya percaya bahawa ilmu akan lebih bermakna apabila ia mampu menyentuh kehidupan dan membawa harapan kepada mereka yang memerlukan. ”

- Siti Asmah Mohamed -

MAJLIS
APRESIASI JSKM
2026

Laporan

RAFAH YANG
DIRATAH TIDAK
PERNAH PUNAH

Puisi

MENELUSURI
PASIR DAN
KABUS BROMO

Perkongsian

eISSN 2637-0077



9 772637 007004

Oleh: Fuziatul Norsyihah & Fadzilawani Astifar

Mengelusuri pasir dan Kabus

BROMO

Gunung Bromo yang terletak di Taman Nasional Bromo Tengger Semeru merupakan antara destinasi pelancongan paling ikonik di Indonesia. Dikenali dengan landskap gunung berapi, lautan pasir yang luas serta suhu yang dingin, Bromo menawarkan pengalaman alam semula jadi yang unik dan memukau. Keindahan panorama matahari terbit serta suasana yang tenang menjadikan kawasan ini bukan sahaja tarikan pelancong, malah ruang refleksi bagi mereka yang ingin lari seketika daripada kesibukan rutin harian.

“Stargazing”



Bromo dulu baru kamu



Gunung Bromo

Persiapan untuk ke Gunung Bromo bermula seawal jam 2.00 pagi dari 'homestay' di kaki gunung Bromo. Ketika suasana masih gelap dan udara terasa semakin dingin, kami memulakan perjalanan dari kaki gunung menaiki jeep merentasi laluan berpasir dan lereng bukit yang berbatu memberikan pengalaman yang agak mencabar tetapi mengujakan. Dalam keheningan pagi yang diselubungi kabus, hanya bunyi enjin jeep dan angin sejuk menemani perjalanan, seolah-olah memberi isyarat bahawa satu pengalaman luar biasa sedang menanti di puncak Bromo.





Masjid yang terletak di Gunung Bromo

Setibanya di kawasan tinjauan, suhu ketika ini lebih kurang dalam 10°C – 13°C . Dalam cuaca yang sangat dingin, Indomie panas menjadi pilihan awal untuk memanaskan badan dan mengembalikan tenaga. Seusai menjamah Indomie dan secawan teh panas, kedengaran azan subuh berkumandang. Berpeluang menunaikan solat subuh di gunung Bromo adalah satu pengalaman yang menenangkan dan memberi makna tersendiri sebelum menyaksikan keindahan matahari terbit di puncak gunung.



Apabila matahari mula muncul perlahan-lahan di balik pergunungan, suasana yang tadinya gelap disinari cahaya keemasan yang memukau. Kabus pagi beransur hilang, memperlihatkan keindahan gunung Bromo yang terbentang megah di hadapan mata. Detik tersebut terasa begitu singkat, namun cukup untuk meninggalkan kesan mendalam di hati. Keindahan alam yang terpamer dapat mengingatkan kita tentang kebesaran Allah dan betapa kecilnya manusia di sisi ciptaan-Nya.


Selepas menikmati keindahan matahari terbit, perjalanan diteruskan menuju ke kawah gunung Bromo yang terkenal dengan lanskapnya yang menakjubkan. Untuk menambah pengalaman yang lebih unik, kami memilih untuk menunggang kuda bagi meneruskan perjalanan ke kawah gunung Bromo.

Setibanya di kaki kawah, kami perlu menaiki kira-kira 250 anak tangga untuk menuju ke bibir kawah. Walaupun sedikit mencabar dan agak kepenatan, langkah tetap diteruskan demi menyaksikan sendiri kekuasaan Allah swt. Setibanya kami di bibir kawah kami dapat melihat secara langsung kawah gunung berapi yang masih aktif dengan asap belerang yang terus mengepul. Menurut data rasmi Pusat Vulkanologi dan Mitigasi Bencana Geologi (PVMBG), letusan terakhir Gunung Bromo berlaku pada 19 Julai 2019 dan ia masih aktif serta berpotensi mengeluarkan asap atau letusan kecil pada masa hadapan.



Akhir sekali, Bromo bukan sekadar destinasi pelancongan, tetapi satu pengalaman yang membuka mata dan hati, mengingatkan kita tentang kebesaran Allah swt serta keindahan alam yang perlu dihargai. Semoga setiap langkah dan detik di sana menjadi inspirasi untuk lebih menghargai kehidupan dan alam semula jadi di sekeliling kita.

250 anak tangga yang perlu didaki



Kawah Gunung Bromo yang masih aktif



اَبُو بَكْرٍ مَرْكُوبٌ
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

Unit Penerbitan e-Buletin
Jabatan Sains Komputer dan Matematik
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang

eISSN 2637-0077



9 772637007004